



ڤڤاڤت موفٲى وىلاىه ڤرسكوتوان
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

HUKUM MEMBUNUH HAIWAN YANG MEROSAKKAN TANAMAN




Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri

Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel. No. : 03-8870 9000

Fax No. : 03-8870 9101 / 03-8870 9102

Email : ukk@muftiwp.gov.my



MUKADIMAH

- ❖ Islam menegaskan prinsip larangan membunuh haiwan tanpa sebab yang dibenarkan syarak. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَتَلَ عُصْفُورًا عَبَثًا عَجَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ:
يَا رَبِّ إِنَّ فُلَانًا قَتَلَنِي عَبَثًا وَلَمْ يَفْتُلْنِي لِمَنْفَعَةٍ

Maksudnya: “Sesiapa yang membunuh seekor burung kecil tanpa sebab, maka ia akan datang mengadu kepada Allah SWT pada hari kiamat dengan berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya si fulan telah membunuhku dengan sia-sia, bukan kerana sebarang manfaat.”

(Riwayat al-Nasa'ie)

- ❖ Hadis ini menegaskan bahawa nyawa haiwan juga berada dalam perlindungan syarak dan pembunuhan yang dilakukan tanpa maslahat adalah dosa.
- 



❖ Menurut mazhab Syafi'i hukum membunuh binatang yang tidak boleh dimakan adalah haram walaupun untuk tujuan meringankan penderitaan binatang tersebut. Syeikh al-Syabramallisi menjelaskan:

يحرم ذبح الحيوان غير المأكول، ولو لإراحته كالحمار الزمن
مثلا

Maksudnya: *"Haram menyembelih haiwan yang tidak boleh dimakan dagingnya, walaupun dengan tujuan untuk meringankan penderitaannya, seperti keldai yang tua atau uzur."*

❖ Namun begitu, Islam memberikan kelonggaran sekiranya haiwan tersebut benar-benar membawa mudarat seperti merosakkan tanaman, harta benda atau mendatangkan bahaya kepada manusia.





- ❖ Menurut nas, ia disebut dengan istilah haiwan fasiq iaitu haiwan perosak yang boleh membawa mudarat dan bahaya kepada manusia.
- ❖ Ini sepertimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah RA, Nabi SAW bersabda:


خَمْسٌ فَوَاسِقُ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ وَالْعَقْرَبُ وَالْحَدْيَا وَالْغُرَابُ
وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ

Maksudnya: “Lima haiwan fasiq dan boleh dibunuh di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan anjing gila atau ganas.”

(Riwayat al-Bukhari)

- ❖ Menurut Syeikh Ibn Daqiq al-‘Id, Islam membenarkan membunuh haiwan yang berbahaya dan merosakkan, bukan terhadap kepada lima jenis yang disebut dalam hadis, tetapi meliputi semua yang mendatangkan mudarat.



- 
- 
- ❖ Pengecualian ini selaras dengan prinsip syariat yang menolak kemudharatan, sebagaimana kaedah fiqh yang masyhur menyebut:

الضَّرَرُ يُزَالُ

Maksudnya: “Kemudharatan itu mestilah dihilangkan.”

- ❖ Justeru, setiap langkah yang diambil mestilah mematuhi beberapa garis panduan yang telah ditetapkan, agar tidak bercanggah dengan prinsip ihsan dan rahmah yang menjadi teras ajaran Islam:
 - Pembunuhan anjing liar atau haiwan lain hanya dibenarkan jika ia benar-benar mengancam keselamatan, nyawa atau harta benda.
 - Pembunuhan hanya dibenarkan jika tiada lagi cara lain untuk menolak mudarat.
 - Jika pembunuhan diperlukan, ia mesti dilakukan dengan cara paling ihsan tanpa menyeksa, sesuai dengan hadis Nabi SAW.
- 

KESIMPULAN

- ✓ Pembunuhan binatang perosak tanaman dibolehkan jika dalam keadaan keperluan yang sangat mendesak dan tiada alternatif lain yang berkesan.
- ✓ Namun tindakan itu mesti dilaksanakan dengan penuh rahmah dan tanpa sebarang penyeksaan.
- ✓ Pendekatan yang lebih baik dan berhemah adalah dengan mengumpulkan haiwan tersebut di pusat perlindungan dan dibiayai melalui dana wakaf seperti yang pernah berlaku dalam Islam di samping dapat membantu mengekalkan keseimbangan ekologi.

IKUTI KAMI:



Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan



t.me/jmwprasmi



@jabatanmuftiwp